

05 JAN 2003

Syed Hamid-Batu Puteh

MALAYSIA AKAN KEMUKA TARIKH BARU METERAI PERJANJIAN KHAS

KOTA TINGGI, 5 Jan (Bernama) -- Malaysia akan mengemukakan tarikh baru kepada Singapura bagi menandatangani perjanjian khas berhubung tuntutan bertindih ke atas Pulau Batu Puteh untuk dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) selepas menolak cadangan Singapura supaya perjanjian itu ditandatangani di Brussels, Belgium pada akhir bulan ini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini berkata cadangan Singapura supaya perjanjian itu dibuat di Brussels ketika Mesyuarat Asean-Kesatuan Eropah (EU) pada 27 dan 28 Jan ini sangat tidak sesuai dengan agenda mesyuarat itu.

Selain itu, katanya beliau kemungkinan besar tidak dapat menghadiri mesyuarat berkenaan.

"Oleh itu, kita akan mencadangkan tarikh untuk menandatangani, saya lebih suka (perjanjian khas) ditandatangani di Malaysia atau dia (Singapura) nak menandatangani di Singapura ... saya tak ada masalah," katanya pada sidang berita selepas merasmikan bangunan Unit Hemodialisis Hospital Kota Tinggi di sini, hari ini.

Menurutnya tarikh yang mungkin dicadangkan oleh Malaysia ialah dalam bulan ini atau mungkin semasa berlangsungnya Mesyuarat Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di Kuala Lumpur bulan depan.

"Ada besar kemungkinan, kita boleh buat dalam bulan Januari ini... kalau tidak, saya fikir dalam bulan Februari. Kita akan tengok...kalau nak buat di samping mesyuarat NAM, Singapura adalah anggota NAM dan ia boleh dilakukan di Kuala Lumpur, tak menjadi masalah," katanya ketika ditanya tarikh yang akan dicadangkan oleh Malaysia.

Syed Hamid diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed di Langkawi semalam bahawa Malaysia tidak bersetuju dengan cadangan Singapura memilih Brussels sebagai tempat untuk menandatangani perjanjian khas itu.

Dr Mahathir turut mempersoalkan tindakan Singapura memilih tempat yang begitu jauh untuk menandatangani perjanjian khas itu sedangkan ia boleh dilakukan di sini.

Syed Hamid berkata seelok-eloknya, perjanjian khas antara Malaysia dan Singapura itu dibuat di rantau ini (Asean) dan perkara itu dilakukan dalam tempoh yang terdekat dan secepat mungkin.

"Saya mengambil pandangan daripada Dr Mahathir menyatakan perjanjian itu boleh ditandatangani di tempat kita dan kita akan mengusulkannya. Kebiasaannya, kita (Malaysia) bertindak cepat dan kalau tarikh tidak sesuai, kita beri jawapan dengan cepat dan cadang tarikh yang lain," katanya.

Berbeza dengan langkah Singapura, katanya republik itu lebih suka mengumumkan tarikh yang mereka cadangkan berhubung isu itu kepada pihak media Singapura terlebih dahulu sebelum memaklumpkannya kepada Kerajaan Malaysia.

"Saya (selaku Menteri Luar) tak umumkan tarikh di surat khabar... kita dah hantar (pada Singapura terlebih dahulu), jadi tak terkejut, kita tidak mahu sesiapa pun dipersalahkan. Kalau kita tidak boleh buat (tandatangani perjanjian khas), ia adalah kerana tarikh itu tidak sesuai," katanya.

Menurutnya Malaysia memberi tarikh alternatif kepada Singapura jika tarikh yang dicadangkan itu tidak sesuai.

Syed Hamid berkata Malaysia telah mengemukakan kira-kira tujuh tarikh sejak tahun lepas untuk dipertimbangkan oleh Singapura tetapi tidak

mendapat maklum balas.

"Saya tak nak hanya gambaran diberi, seolah-olah ini kali pertama kali tarikh yang diberi. Kita punya masalah ialah bila kita beri, kadang-kadang kita beri tarikh alternatif tapi dia (Singapura) bagi hanya satu tarikh dan umumkan dulu dalam suratkhobar," katanya.

Bangunan Unit Hemodialisis itu dibina dengan kos RM348,000 dan kini mempunyai empat mesin hemodialisis bagi merawat 17 pesakit buah pinggang di daerah Kota Tinggi.

Unit Hemodialisis adalah unit baru di Hospital Kota Tinggi. Bangunan baru itu siap dibina pada Julai lepas.

-- BERNAMA

RAM NAK